



PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA,
(OFFICE OF THE AUDITOR-GENERAL)
JALAN CENDERASARI,
50518 KUALA LUMPUR,
MALAYSIA

Telefon: 03-2929532
Fax: 603-2930264
Kawat: "AUDITNEGARA" K.L.
(Cable)

Rujukan : AUDIT/IP/147/656/3 (13)

Tarikh : 20 Julai 2000

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL.3/2000
Penglibatan Jabatan Audit Negara
Dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri

Sukacita saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Pegawai-pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan dan program/aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cara teratur, berhemat dan cekap. Daripada pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti, yang berpunca daripada kurangnya perhatian diberi terhadap kawalan dalaman pengurusan wang awam, ketiadaan garis panduan yang jelas dan kelemahan perancangan dan pemantauan.


3. Jabatan ini bersedia memberikan pandangan/input semasa Jabatan/Agensi membincangkan soal kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan wujudnya perancangan yang teliti, unsur-unsur kawalan dalaman terhadap pengurusan wang awam diambil kira dan garis panduan yang jelas disediakan bagi mencapai matlamat dengan lebih berkesan. Salah satu forum yang sesuai untuk Jabatan Audit Negara memberikan 'input' ialah melalui mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negeri. Dalam hubungan ini, Pengarah Audit Negeri amatlah sesuai menghadiri mesyuarat itu supaya ia selari dengan kehadiran saya dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negara di peringkat Persekutuan. Oleh itu, saya amat berbesar hati jika Pengarah-pengarah Audit Negeri dapat dijemput menjadi Ahli Jawatankuasa Pembangunan Negeri.

4. Adalah diharapkan cadangan ini dapat diberi pertimbangan sewajarnya.

...2/-

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,


(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

s.k. Y. Bhg. Ketua Setiausaha Negara